

# 14 keluarga terkandas

*Masih di pusat pemindahan akibat kediaman musnah*

**LEMBAH JAYA UTARA** - Seramai 14 keluarga mangsa banjir di Lembah Jaya Utara masih ditempatkan di penempatan sementara di Surau Ehsaniah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz berkata, keluarga terbabit belum boleh berpindah berikutan rumah mereka mengalami kerosakan teruk pada bencana banjir di sini, minggu lalu.

Menurutnya, sembilan rumah didapati mengalami kerosakan yang serius dan masalah itu telah dibincangkan dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan bantuan membaiki pulih rumah mangsa.

"Hasil tinjauan mendapati 90 peratus rumah mangsa terbabit mengalami kemusnahan harta benda yang sangat dahsyat.

"Sehubungan dengan itu, saya telah berbincang dengan Menteri



**Hadi (tengah) menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir, semalam.**

Besar Selangor agar masalah kerosakan rumah penduduk dapat diberi peruntukkan khas pada kali ini," katanya kepada *Sinar Harian* sewaktu menerima kunjungan lawatan dari Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Lembah

Jaya Utara semalam.

Khasim berkata, bagaimanapun, seramai 217 keluarga sudah pun pulang ke rumah masing-masing dari 433 mangsa banjir yang berdaftar dengan bilik gerakan.

Beliau berkata, dalam pada

masa yang sama, Pusat Zakat Selangor difahamkan akan menyumbang wang tunai berjumlah RM300 kepada keluarga mangsa pada hari ini.

"Saya menjangkakan masalah banjir ini akan selesai dalam minggu ini. Cuma penduduk mengalami masalah bekalan air apabila terdapat sistem paip rumah mereka sukar untuk dibaiki setelah pecah dipukul banjir," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Pejabat Adun Lembah Jaya turut menyumbangkan makanan dan minuman kepada mangsa banjir selain sumbangan dan bantuan dari pihak lain.

Sementara itu, Abdul Hadi yang sempat meninjau dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa meminta penduduk bersabar dengan dugaan tersebut.